

Serambi Teruntum pasarkan produk tempatan

Sinar Harian
16/09/2017

KUANTAN - Serambi Teruntum menjadi lokasi terbaharu kepada pengunjung dan pelancong yang ingin mendapatkan produk tempatan termasuk makanan, tekstil dan hasil laut.

Bangunan perniagaan itu dibangunkan dengan kos RM18 juta oleh Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan diuruskan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) yang menyediakan 89 unit kedai dan lapan unit kedai makan, surau dan dataran seluas enam hektar.

Exco Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri, Datuk Seri Shahiruddin Ab Moin berkata, dengan kewujudan Serambi Teruntum di Tanjung Lumpur itu membuktikan komitmen kerajaan negeri dalam menyediakan kemudahan perniagaan kepada usahawan Melayu dan Bumiputera.

INFO

● Sedia 89 unit kedai, 8 unit kedai makan dan surau

Menurutnya, kerajaan sentiasa meneliti keperluan semasa yang berupaya memberikan manfaat kepada usahawan.

"Justeru, saya berharap 86 peniaga yang menerima kunci di Serambi Teruntum ini dapat menggunakan kemudahan yang disediakan kerajaan ini dengan baik.

"Malah kadar sewaan antara RM300 hingga RM400 bergantung pada keluasan dikira sebagai berpatutan," katanya kepada media pada Majlis Penyerahan Kunci kepada Peniaga di Serambi Teruntum, kelmarin.

Hadir sama, Setiausaha MPK,



Shahiruddin menyerahkan kunci premis kepada salah seorang peniaga, Arina Abd Raub pada majlis berkenaan.

Hamiza Hamzah.

Katanya, MPK dan agensi berkaitan akan melaksanakan promosi terhadap Serambi Teruntum untuk mendapatkan pelbagai produk tempatan Pahang seperti Sambal Hitam, Patin Tempoyak dan Tenun Pahang.

Beliau berkata, promosi yang efektif dijamin mampu menjadi-

kan Serambi Teruntum sebagai lokasi tarikan pelancong di negeri ini.

"Kita akan berusaha memastikan Serambi Teruntum ini menjadi lokasi wajib dilawati oleh pelancong," katanya.

Serambi Teruntum mula dibuka kepada orang ramai pada 1 Oktober ini.